

09 AUG 1996

Mahathir - Lawat

PM DAN ISTERI LAWAT PEKAN RABU ALA LANGKAWI

LANGKAWI, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Sri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali meluangkan masa kira-kira 15 minit melawat Pekan Rabu ala Langkawi selepas Perdana Menteri merasmikan Kampung Tok Senik di sini, petang ini.

Pelbagai jenis jualan termasuk juadah dijual di pekan itu yang dibuka khas untuk Kampung Tok Senik, pusat peranginan berkonsepkan perkampungan Melayu, di Mata Air.

Sebelum itu, ketibaan Perdana Menteri disambut oleh paluan kompang daripada 200 anggota gabungan lima kumpulan kompang iaitu Pasukan Peminat Bola Sepak Kedah, Kampung Titi Siam, Majlis Perbandaran Kota Setar, Penjara dan Sungai Petani di samping pukulan lapan rebana besar.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah tiba di kampung itu tengah hari tadi dan menginap di Rumah Tok Penghulu.

Beliau kemudian bersolat Jumaat di Masjid Al Aman, Bohor sebelum merasmikan kampung itu.

Perdana Menteri menaiki kereta jenis Austin "London Taxi", yang dibeli khas dari London. Kereta itu tiba di sini 4 Ogos lepas.

Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid dan Anggota Parlimen Langkawi Datuk Bakar Taib turut hadir pada majlis itu.

Bersempena perasmian kampung itu, Perdana Menteri akan menjadi seorang daripada saksi pada majlis pernikahan sepasang pengantin di kampung itu esok.

Kampung Tok Senik yang berharga lebih RM11 juta dibangunkan dengan usahasama Lembaga Pembangunan Langkawi dan Kumpulan Maju.

Pengurus Besar LADA Datuk Halil Mutalib yakin kampung itu akan menjadi tarikan baru di Langkawi.

Beliau berkata kadar sewa rumah di Kampung Tok Senik, yang dibangunkan berunsur seni bina rumah Melayu tradisional, dijangka bernilai RM1,000 sehari.

-- BERNAMA

ZI MFJ NAK